

SEGAR SERTAI "JOHOR INTERNATIONAL TREASURE HUNT 2013"



Buat julung julung kalinya SELIA Group melalui SEGAR telah menghantar 2 pasukan terdiri dari 8 orang kakitangan untuk menyetai Pertandingan "Johor International Treasure Hunt 2013" yang berlangsung pada 15 Jun 2013. Pertandingan tersebut melibatkan perjalanan dari Johor Bahru hingga ke Mersing.

Pertandingan ini telah dianjurkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia dan acara ini juga merupakan salah satu acara utama di dalam Program Tahun melawat Malaysia 2014.

Pertandingan ini telah mendapat sambutan hangat di mana seramai 70 pasukan dari pelbagai agensi telah turut serta. Selain dari memupuk semangat berpasukan, ianya juga bertujuan untuk memberikan pendedahan baru kepada warga Selia yang terlibat tentang sejarah dan kebudayaan negeri Johor

